



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 9 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LAPOR SEGERA SEKIRANYA TERDAPAT PIHAK MANUPULASI HARGA BENIH PADI, NEGERI, SH-25	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
2.	MAFI SASAR LAHIR 750 USAHAWAN TAHUN INI, NEGARA, KOSMO-6	
3.	KERAJAAN AMBIL LANGKAH ATASI PENGURANGAN PENGELUARAN BERAS, NASIONAL, SH-8	
4.	LAPOR SEGERA SEKIRANYA ADA PIHAK MANIPULASI HARGA BENIH PADI SAH, UTUSAN BORNEO-ONLINE	
5.	MINISTRY OF AGRICULTURE PLANS TO REGISTER FULL-TIME FISHERMAN, NATION, CHINA PRESS-A4	
6.	MAFI COMPILING LIST OF LICENSED FISHERMAN TO RECEIVED GOVERNMENT AID, BORNEO NEWS.NET-ONLINE	
7.	7 LOCATIONS IN SABAH REPORTS AFS, NATION, CHINA PRESS-A4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
8.	ISU KETIRISAN SUBSIDI BAJA PADI HAMZAH JADIKAN NAFAS KAMBING HITAM, BORNEO NEWS POST-ONLINE	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
9.	AGROBANK LANCAR PRODUK AGRO FARAH-I	AGROBANK
10.	IDLE LAND DEVELOPED FOR AGRICULTURE AND AGRI-BASED INDUSTRY, NEWS, THE SUN-3	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
11.	MAQIS : 90PC OF SMUGGLED CATTLE HAVE FMD, NEWS, THE STAR-11	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
12.	PPK KUALA LANGAT HAB CILI MERAH, TERNAKAN LEMBU, GAYA TANI, UM-24 &25	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
13.	PUSAT SUKAN USIM JADI LOKASI PENANAMAN NANAS MD2, DALAM NEGERI, UM-29	LAIN - LAIN
14.	USAHAKAN RUNCIT PRODUK MUSANG KING, BISNES, SH-30	
15.	PEMANDU BAS EKSPRESS TANAM SAYUR DI TANAH TERBIAR, NASIONAL, BH-22	
16.	PETANI BANTU TINGKATKAN TANAMAN SAYUR DAN BUAH DI NEGERI SEMBILAN, NEGERI, SH-22	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Lapor segera sekiranya terdapat pihak manipulasi harga benih padi

PARIT BUNTAR - Pesawah padi di Kerian diminta melaporkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sekiranya terdapat pihak yang memanipulasi harga benih padi sah melebihi pada harga yang ditetapkan iaitu RM35 bagi setiap 20 kilogram.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria bagaimanapun berkata, sehingga kini pihaknya belum menerima sebarang aduan meskipun

terdapat dakwaan segelintir pesawah di daerah itu mengenai isu berkenaan.

"Kita minta pesawah membeli benih padi sah daripada pengedar tunggal Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan jangan membeli dengan pihak atau individu yang cuba memanipulasi harga benih padi dengan menaikkan harga daripada yang telah ditetapkan kerajaan.

"Kita memberi jaminan benih padi sah sentiasa mencukupi jadi mereka (pesawah) tidak perlu

anggota daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pasukan Polis Marin dan Pejabat Perikanan Daerah Kerian serta dibantu 20 bot nelayan daripada Persatuan Nelayan Tanjung Pandang.

Beliau berkata, mangsa Ng Choon Lee berusia 62 tahun ditemuan lemas oleh sekumpulan nelayan, jam 11 pagi kira-kira 15 batu nautika dari lokasi mangsa dipercayai terjatuh daripada bot semasa menangkap ikan, Sabtu lalu. - *Bernama*



RAZMAN



CHE ABDULLAH melihat buah mangga harumanis yang ditanam di Inapan Seri Laksamana, Kampung Lubuk Kawah, Jitra semalam.

MAFI sasar lahir 750 usahawan tahun ini

JITRA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyasarkan untuk melahirkan seramai 750 usahawan muda berjaya, melalui Program Agropreneur Muda (PAM) pada tahun ini.

Timbalan Menteri, Datuk Che Abdullah Maj Nawi berkata, angka tersebut mampu dicapai bersandarkan kepada kejayaan kementerian melahirkan 6,908 agropreneur muda di seluruh negara sejak Januari 2016 hingga Disember tahun lalu.

Katanya, antara cabaran yang perlu diatasi adalah bagi mengubah persepsi anak muda yang menganggap bidang pertanian dan agropreneur sebagai kotor, sukar dan berbahaya.

"Persepsi sebegitu perlu diubah kerana bidang ini sebenarnya menghasilkan pulangan lumayan.

"MAFI berusaha bersungguh-sungguh bagi menyedarkan anak muda mengenai peluang yang ada. Sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan bagi mencapai sasaran melahirkan 750 usahawan muda berjaya

pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan lawatan ke destinasi agro pelancongan, Inapan Seri Laksamana yang dikendalikan usahawan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda di Kampung Lubuk Kawah, Jitra, di sini semalam.

PAM yang mula diperkenalkan sejak 2016, dilancarkan khas buat golongan muda berusia antara 18 hingga 40 tahun bagi membantu serta menggalakkan penglibatan mereka dalam sektor agro makanan merangkumi semua bidang di sepanjang rantai nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan, industri asas tani, pemasaran dan kursus teknikal.

Melalui program tersebut, para peserta berpeluang menerima bantuan antaranya geran berbentuk barangan mencecah RM20,000 bagi projek baharu serta penyediaan bantuan modal melalui pakej pembiayaan khas Tekun Nasional berjumlah antara RM50,000 hingga RM200,000.



Che Abdullah (tengah) bercakap kepada pemberita pada Program Jelajah Agropreneur Muda (JAM) Kedah di Jitra pada Isnin.

Kerajaan ambil langkah atasi pengurangan pengeluaran beras

JITRA - Kerajaan sentiasa mencari jalan menyelesaikan masalah bekalan makanan negara susulan isu pengurangan pengeluaran beras.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, isu-isu yang berlaku ada dibincangkan di peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Beliau berkata, pihaknya menyedari masalah sedemikian yang sering berlaku dan mengambil langkah mengatasi kekurangan pengeluaran beras seperti didakwa.

“Ya, kita pun bincang di peringkat kementerian masalah yang berlaku ini. Masalah yang dihadapi ini sememangnya sentiasa berlaku.

“Cuma kerajaan ambil langkah untuk cuba atasi masalah kekurangan pengeluaran tersebut,” katanya pada Program Jelajah Agropreneur Muda (JAM) Kedah di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai dakwaan berlaku ke-

kurangan pengeluaran beras di negara ini.

Sementara itu, mengulas langkah mengurangkan kebergantungan import hasil tanaman dari negara lain, beliau berkata, perkara terbabit telah dimasukkan dalam Dasar Agro Makanan yang bakal dilancarkan nanti.

Dalam perkembangan sama, Che Abdullah berkata, meningkatkan hasil pengeluaran tanaman dalam keadaan tanah pertanian semakin berkurangan merupakan antara cabaran dihadapi MAFI.

Katanya, ancaman tanah pertanian merupakan fenomena yang bukan hanya dialami di negara ini, malah seluruh dunia disebabkan beberapa faktor seperti keperluan manusia, keperluan asas lain serta pembangunan rumah yang turut diperlukan rakyat.

“Jadi, menjadi cabaran kepada sektor pertanian dan kementerian ialah mengeluarkan hasil makanan yang bertambah dalam suasana tanah pertanian makin berkurangan,” katanva.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
09.03.2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

LAPOR SEGERA SEKIRANYA ADA PIHAK MANIPULASI HARGA BENIH PADI SAH



PARIT BUNTAR: Pesawah padi di Kerian diminta melaporkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sekiranya terdapat pihak yang memanipulasi harga benih padi sah melebihi pada harga yang ditetapkan iaitu RM35 bagi setiap 20 kilogram.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri Razman Zakaria bagaimanapun berkata sehingga kini pihaknya belum menerima sebarang aduan meskipun terdapat dakwaan segelintir pesawah di daerah itu mengenai isu berkenaan.

“Kita minta pesawah membeli benih padi sah daripada pengedar tunggal Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan jangan membeli dengan pihak atau individu yang cuba

memanipulasi harga benih padi dengan menaikkan harga daripada yang telah ditetapkan kerajaan.

Kita memberi jaminan benih padi sah sentiasa mencukupi jadi mereka (pesawah) tidak perlu khuatir dan bimbang dengan bekalan benih padi sah di sesuatu kawasan,” katanya ketika ditemui pemberita di Jeti Pangkalan Polis Marin Kuala Kurau di sini semalam, selepas menyertai operasi mencari dan menyelamatkan seorang nelayan tempatan yang hilang di perairan Kuala Kurau.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Operasi Zon Maritim Kuala Kurau Leftenan Maritim Mohd Faiz Sujari berkata operasi bermula jam 9 pagi melibatkan kira-kira 30 pegawai dan anggota daripada Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Pasukan Polis Marin dan Pejabat Perikanan Daerah Kerian serta dibantu 20 bot nelayan daripada Persatuan Nelayan Tanjung Piandang.

Beliau berkata mangsa Ng Choon Lee berusia 62 tahun ditemukan lemas oleh sekumpulan nelayan, 11 pagi tadi kira-kira 15 batu nautika dari lokasi mangsa dipercayai terjatuh daripada bot semasa menangkap ikan, Sabtu lepas.

Selain Razman, operasi itu turut disertai Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Kurau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Integrasi Nasional dan Masyarakat Sivil negeri, Datuk Abdul Yunus Jamahri. — Bernama

Headline	Ministry of Agriculture plans to register full-time fishermen		
MediaTitle	China Press		
Date	09 Mar 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A4	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	65 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,282
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,846



農業部擬漂白全職漁夫

(比魯兰8日讯)农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出,该部将在全国对尚未获得渔业执照的全职渔夫展开漂白工作,以便他们获得政府发出的生活津贴。

他今日出席一项与渔民会而

的活动后说,希望渔民协会扮演积极角色,确保各区登记的渔夫都是全职渔夫。

他说,政府仍在收集尚未获得渔业执照的渔夫数据,以协助他们获得执照。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
BORNEO NEWS.NET	09.08.2021	ONLINE	

MAFI COMPILING LIST OF LICENSED FISHERMEN TO RECEIVE GOVERNMENT AID



BELURAN: The Agriculture and Food Industry Ministry (MAFI) would carry out a nationwide exercise to determine if the full-time fishermen possess valid fishing licences.

Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the move was to ensure that no fisherman would be left out of the government's subsistence allowance.

"I hope the area and state fishermen's associations would play a more active role to ensure that the fishermen registered in their respective areas are genuine, full-time fishermen. "The government spends hundreds of millions of ringgit every year to provide assistance to fishermen in the form of cash, and it should reach the target group," he told reporters after attending a ceremony with fishermen from Pulau Jambongan, near here yesterday.

Kiandee also said his team was still collecting data on fishermen who had not registered for any valid fishing licence. According to him, the fishermen's subsistence allowance is RM300 a month. — Bernama

Headline	7 locations in Sabah reports ASF		
MediaTitle	China Press		
Date	09 Mar 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A8	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	621 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 36,750



沙7地出現非洲豬瘟

政府銷毀豬隻防擴散

（亞庇8日訊）沙巴副首長兼农业及渔业部长拿督斯里杰非里吉丁岸证实，除了必打士和哥打马鲁都，拿笃、山打根、京那巴当岸、比鲁兰和特鲁必也出现非洲猪瘟疫情。

他说，必打士和哥打马鲁都的疫情涉及家猪和野猪，而拿笃、山打根、京那巴当岸、比鲁兰和特鲁必的疫情目前只感染野猪。

“网上传言京那巴当岸一个度假村出现的3头野猪尸体，的确是感染非洲猪瘟后死亡。”

杰非里吉丁昨日发文说，斗湖、山打根、丹南、吧巴、斗亚兰及兵南邦的商业养猪场没有出现非洲猪瘟，这些养猪场供应沙巴大部分的猪肉，并指须确保这些地区没有非洲猪瘟病例，以免影响沙巴的猪肉生产。

將設危機管理委會

他说，虽然非洲猪瘟对人体没影响，但将造成巨大的经济损失和破坏社会福祉，务必控制和消除。

“政府将以最先爆发非洲猪瘟的地区为中心，销毁疫区内的猪只，同时展开消毒行动。”

他也强调，野生动物局已暂停发出狩猎执照及禁止出

售烤山猪，防止非洲猪瘟从野猪扩散到商业养猪场。

“兽医局已在猪瘟疫区内的9个甘榜展开杀猪行动，至今共有110头猪被销毁。宣导工作已经在必打士的54个甘榜展开。”

他说，政府根据2015年动物法令将受影响的地区宣布为非洲猪瘟爆发区。这项宣布将由地方政府发出，让兽医局透过县灾难管理委员会做出相应的管控措施。

“政府将成立非洲猪瘟危机管理委员会，由兽医局领导，成员包括野生动物局、保安部队、地方政府及房屋部、沙巴律政司署及相关单位的代表，以制定必要的防疫措施。”



■兽医局人员在必打士的养猪场消毒。



■病零。兽医局人员在比鲁兰野猪尸体身上取样检查。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
BORNEO NEWS.NET	09.03.2021	ONLINE	

ISU KETIRISAN SUBSIDI BAJA PADI HAMZAH JADIKAN NAFAS KAMBING HITAM



KOTA KINABALU: Kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia (MAFI) perlu mengambil serius laporan Ketua Audit Negara dan menylasat kemungkinan berlakunya penyelewengan sehingga menyebabkan masalah ketirisan dalam pengagihan subsidi baja padi melibatkan beratus juta duit kerajaan.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kinabalu, Datuk Jaimin Samitah berkata, masalah ketirisan telah menyebabkan duit kerajaan yang sepatutnya digunakan untuk membantu para petani dan peladang tidak sampai kepada golongan sasar.

Menurutnya, siasatan yang menyeluruh perlu dibuat terhadap laporan Ketua Audit Negara (KAN) tahun 2018 yang mengakibatkan kerajaan mengalami kerugian ratusan juta ringgit seperti dakwaan yang amat mengejutkan oleh Ahli Parlimen Port Dickson Datuk Seri Anwar Ibrahim di Persidangan Dewan Rakyat pada 2 Disember 2020.

"Ini adalah perkara yang sangat serius dan MAFI perlu membuat siasatan menyeluruh, termasuk Ketua Pengarah (KP) agensi yang bertanggungjawab,

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Malaysia ketika itu. Haji Hamzah Bahari yang bertanggungjawab terhadap penggantungan perlembagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), pada Jun 2018", katanya dalam kenyataan, hari ini.

Katanya, semasa penggantungan perlembagaan NAFAS Hamzah mengatakan banyak sampah di NAFAS. "SEBALIKNYA DENGAN KUASA ALLAH MAHU TUNJUKAN RUPANYA SAMPAH DI MAKSUDKAN SEBENARNYA ADA DI LPP DIMANA ORANG YANG MENDAKWA ITULAH RUPANYA BANYAK SIMPAN SAMPAH. "Hamzah dan rakan-rakan beliau di LPP akan terima pembalasan diatas perbuatannya ini, setimpai bukan saja di dunia tetapi di akhirat kerana pengkhianatan yang menyebabkan institusi yang dimiliki oleh ahli-ahli peladang yang hidup susah sebagai pemegang saham di PP dari seluruh Malaysia dihancurkan dengan dakwaan tidak bertanggungjawab untuk menutup kesalahan sendiri", dakwa Jaimin.

Menurut Jaimin, LPP merupakan pihak yang terlibat menyediakan senarai penerima bantuan subsidi baja padi seluruh negara dan bukan NAFAS kerana pertubuhan itu hanya dilantik oleh kerajaan dalam pengagihan subsidi.

Beliau mendakwa, Hamzah yang merupakan Ketua Pengarah LPP Malaysia pada tahun 2018 cuma menjadikan NAFAS sebagai "kambing hitam" dalam kes ketirisan baja subsidi kepada pesawah. "Hamzah cuba menutup salah lakunya dan LPP dalam isu tersebut, justeru siasatan yang menyeluruh amat diperlukan bagi mencari siapa dalang yang menyebabkan berlakunya ketirisan beratus juta duit kerajaan", dakwa Jaimin. Katanya, para peladang dan pesawah amat memerlukan bantuan baja bersubsidi daripada Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan pengeluaran hasil padi.

Menurutnya, sebarang kelemahan yang berlaku dalam pengagihan baja subsidi kerajaan perlu ditangani segera agar golongan sasar yang betul-betul layak mendapat manfaat daripada program subsidi kerajaan. Anwar semasa membahas Belanjawan 2021 di Parlimen berkata, berdasarkan laporan Ketua Audit Negara, 7 ribu pesawah yang sudah meninggal masih mendapat subsidi dan insentif berjumlah RM57.9 juta dan individu yang tidak wujud dalam sistem mendapat subsidi sekitar RM28.9 juta, sementara nombor Kad Pengenalan diragukan sebanyak RM108.8 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
09.03.2021	KOSMO	NIAGA	37

Agrobank lancar produk Agro Farah-i

PETALING JAYA – Agrobank melancarkan produk simpanan terbaharu, khusus untuk wanita berumur 18 tahun ke atas yang dikenali sebagai Agro Farah-i.

Farah yang membawa maksud kebahagiaan dalam bahasa Arab dipilih untuk melambangkan wanita yang berkarisma dan berwawasan, pintar menguruskan kewangan serta turut membawa kebahagiaan kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat.

Pengerusi Agrobank, Datuk Mustapha Buang pada acara pelancaran Agro Farah-i yang diadakan secara maya semalam berkata, keunikan produk itu terletak pada unsur hibah yang dikongsi untuk setiap akaun yang telah ditandakan kepada akaun Agro Farah-i, sama ada akaun suami atau anak.

“Ciri unik ini mendorong lebih ramai golongan wanita untuk mempunyai simpanan yang banyak dan dalam masa sama, mereka turut diberikan ganjaran bersama.

“Deposit minimum hanya



MUSTAPHA

RM50 turut membolehkan wanita memulakan simpanan dengan jumlah yang kecil, seterusnya mendapat lebih banyak ganjaran dengan pertambahan simpanan dari semasa ke semasa pada masa akan datang,” katanya.

Maklumat lanjut mengenai Agro Farah-i boleh didapati di www.agrobank.com.my.

Idle land developed for agriculture and agri-based industry

PORT DICKSON: To ensure adequate production of agricultural and agro-based industry products, 236ha of idle land in Negri Sembilan was developed last year, said Menteri Besar Datuk Seri Aminuddin Harun.

A total of RM1 million was allocated for the programme, that

included provision of land, irrigation systems and agricultural input materials.

"The land, including old orchards that had been abandoned for more than five years, have been cultivated with various vegetables and fruit trees.

"It also exceeds the target set by the state government to develop 200ha of idle land annually. We want to make Negri Sembilan a major producer of agricultural products for the Klang Valley," he said after officiating at a Food Security Incentives event yesterday.

As of February, the state government received more than 200 applications from entrepreneurs and farmers, especially youths, to work on the idle land and the state government had allocated RM1 million for agriculture graduates and young farmers, he added.

There were complaints from farmers who worked on the land that wild boars and monkeys had often damaged crops, following which the Department of Wildlife and National Parks and the Department of Agriculture were enlisted to address the problem, he said. - Bernama

Maqis: 90pc of smuggled cattle have FMD

RANTAU PANJANG: Ninety per cent of cattle smuggled into Malaysia have foot-and-mouth disease (FMD).

Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) director-general Saiful Yazan Alwi said the disease might spread to other livestock if left unchecked. He said Maqis officers, especially those stationed along the borders, including in Kelantan, had been told to conduct thorough checks on smuggled cattle seized by enforcement agencies.

“To date, smuggled animals brought to the quarantine centre here have no signs of FMD. If they show symptoms, we will treat them here. Although FMD will not affect people, we are concerned about its spread to other livestock,” he said here yesterday.



EXCO Selangor, Rodziah Ismail (tiga dari kiri) mendengar taklimat tentang pemasaran cili merah daripada Pengerusi PPK Kuala Langat, Dr. Abdul Razak Khasbullah (dua dari kanan) di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang, Teluk Panglima Garang baru-baru ini.

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
utusannews@mediatunika.com.my

LEBIH sedekad menjadi hab pengeluaran dua produk pertanian iaitu cili merah dan lembu bukanlah perkara mudah, namun Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat membuktikan mampu merealisasikan.

Apabila bercakap tentang PPK Kuala Langat, masyarakat membayangkan cili merah yang berkilat dan panjang serta pasaran ratusan lembu korban setiap tahun.

Menurut Pengurus Besar PPK Kuala Langat, Mohd. Shakran Shamsudin, beliau mengemudi pertubuhan itu sejak 13 tahun lalu dan sebelum itu bertugas di Wilayah Persekutuan Labuan selama lima tahun.

Beliau kemudiannya menyambung pelajaran di Universiti Teknologi Mara (UITM) Shah Alam dalam bidang pengurusan ladang dalam memastikan dapat mentadbir PPK Kuala Langat dengan efisien.

"Dahulu, di daerah ini petani melalui aktiviti penanaman cili merah dan penternakan lembu diusahakan secara kecil-kecilan. Alhamdulillah, dengan usaha keras, PPK Kuala Langat berjaya dan kini dikenali dengan memasarkan cili merah dan ternakan lembu sebagai produk utama.

"Fokus utama saya adalah meningkatkan ekonomi petani dan kini kita mempunyai seramai 5,919 ahli dan 32 unit peladang berbanding di awal penubuhannya pada 1973 hanya seramai 1,000 ahli sahaja," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

MEMAJUKAN PRODUK

Dalam pada itu, Mohd. Shakran kini sedang berusaha memajukan lagi kedua-dua produk itu berbanding di PPK lain yang mungkin ada menghasilkan tanaman seperti nenas dan sektor perikanan.

"PPK Kuala Langat sentiasa membantu petani dan penternak dalam pelbagai aspek termasuk memberi kursus, menyalurkan bantuan baja dan mewujudkan tanaman fertigasi untuk cili merah selain mencari jalan untuk membantu petani memaksimumkan keuntungan.

"Kita kini sedang dalam usaha untuk mengapikasi teknologi satelit melalui *Internet Of Thing (IOT)* atau internet segala benda dalam memastikan kawal selia penanaman cili merah dapat dilakukan secara digital tanpa menggunakan banyak tenaga buruh," katanya.

Mengulas mengenai usahawan tani yang menghadapi masalah hingga menjejaskan kegiatan pertanian mereka, pihaknya akan membantu memberi khidmat nasihat daripada sudut teknikal dan kaunseling.

Katanya, jika usahawan tani menghadapi masalah penyakit tanaman mahupun penyakit ternakan lembu seperti tangan, kaki dan mulut (HFMD) semuanya akan dibantu bagi memastikan masalah tersebut segera diselesaikan.

"Usaha yang kita lakukan dalam membantu petani dan penternak ini menjadi salah satu faktor ahli PPK semakin bertambah setiap tahun antara 10 hingga 20 peratus.

"Namun, kita sering mengingatkan ahli untuk tidak mencampuraduk urusan



CILI merah dihasilkan usahawan tani Pertubuhan Peladang Kawasan Kuala Langat, Norhashim Kamisan (kiri).
-UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

PPK Kuala Langat hab cili merah, ternakan lembu

pertanian dengan fahaman politik.

"Sikap berpuak-puak patut diketepikan jika hendak berjaya dan menjana pendapatan bulanan sehingga enam angka. Ini yang mendorong golongan muda semakin ramai cenderung menyertai PPK Kuala Langat memandangkan kita menyediakan sistem pertanian

dengan ilmu petani yang komprehensif.

"Sebagai contoh, dalam bidang penanaman cili fertigasi kita ada usahawan muda berjaya yang menjadi mentor dan sudi berkongsi pengalaman dengan petani-petani muda iaitu Ikon Agro Selangor 2021, Norhashim Kamisan," katanya.

Usaha golongan muda ini

dilihat mampu memasarkan 60 tan cili merah sebulan. Selain itu, seorang lagi tokoh penternak muda iaitu Saipol Azmir Zaiuddin yang berjaya dalam usia muda dan memiliki lebih 800 ekor lembu.

Menurut Mohd. Shakran, semasa PPK memulakan usaha menambah penternak lembu di Kuala Langat hanya lima



MOHD. SHAKRAN (kiri) memberi taklimat kepada Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh (depan tiga dari kiri) di pusat penternakan lembu milik peserta PPK Kuala Langat, Teluk Panglima Garang, Banting, Selangor baru-baru ini.



Usaha yang kita lakukan dalam membantu petani dan penternak ini menjadi salah satu faktor ahli PPK semakin bertambah setiap tahun antara 10 hingga 20 peratus"

MOHD. SHAKRAN SHAMSUDIN



MOHD. SHAKRAN (kiri) dan Dr. Abdul Razak Khasbullah menunjukkan daging sejuk beku tempatan.

penternak sahaja yang aktif.

Namun katanya, selepas 10 tahun daerah itu mempunyai 40 penternak lembu yang menjadi antara penyumbang utama di Lembah Klang.

"Malah, pada 2011 kita memasarkan lembu korban hanya 20 ekor bernilai RM56,000 kini statistik bagi 2019 sebanyak 2,200 ekor lembu telah dipasarkan oleh penternak bernilai RM9.9 juta di daerah ini.

"Statistik ini menunjukkan perancangan sistematik oleh pihak PPK Kuala Langat membuahkan hasil yang membanggakan dari tahun ke tahun sejak 10 tahun lalu.

"Satu formula untuk berjaya dalam bidang pertanian adalah berusaha dengan gigih dan jangan malu bertanya kepada mentor dan berani mencuba teknologi pertanian yang baharu," katanya.

HALIA

Selain tanaman cili merah dan ternakan lembu, PPK Kuala Langat menasarkan pemasaran halia pada masa depan.

Mohd. Shakran berkata, halia mempunyai potensi yang tinggi daripada sudut perubatan dan pemakanan.

"Kita mempunyai peserta dari Tanjung Sepat dan sekitar Daerah Kuala Langat yang menanam halia dan kumpulan ini yang menyumbang bekalan halia utama di daerah ini.

"Sebagai Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL), kita juga menerima halia dari Sepang dan Beranang," katanya.

Mohd. Shakran berkata, setakat ini pihaknya memasarkan 30 tan halia setiap bulan.

Katanya, mentor bagi penanaman halia di Kuala Langat adalah Syawal Mispan dan kini seramai 35 penanam

halia kini berada di bawah seliaannya.

"Pasarnya amat menggalakkan, unguin halia bakal menjadi produk terbaharu kami seiring cili merah dan lembu," katanya.

PROGRAM KONGSI REZEKI

Sejak tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac tahun lalu, PPK Kuala Langat menyediakan pusat sehati untuk warga setempat dan luar membeli hasil pertanian secara terus daripada ladang.

Program jualan tunai Kongsi Rezeki adalah bertujuan mengurangkan beban kewangan rakyat negeri ini, khususnya di Daerah Kuala Langat.

Mohd. Shakran berkata, program jualan tunai di sini menyediakan hasil ladang seperti sayur-sayuran dan bahan masakan dijual dengan harga berpatutan.

"Lebih 40 produk termasuk sayur-sayuran seperti cili merah, cendawan, kobis, kangkung, labu dipasarkan di sini.

"Sayur-sayuran segar tersebut bukan sahaja dari daerah tersebut tetapi turut dihantar dari luar daerah tersebut termasuk dari Johor, Melaka dan Perak.

"Sejak lebih 10 bulan PKP pertama bermula, kita melaksanakan kempen jualan tunai Kongsi Rezeki di sini pada Isnin, Rabu, Jumaat dan Sabtu. Hasil jualan sehari boleh mencecah RM3,000 hingga RM5,000.

"Selain jualan sayur-sayuran, kita turut memasarkan produk Industri Kecil Sederhana (IKS) seperti ikan pekasam, kerepek pisang dan lain-lain," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
09.03.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Pusat Sukan USIM jadi lokasi penanaman nanas MD2

Oleh ZAKKINA WATI
AHMAD TARMIZI
utusannews@mediamulla.com.my

SEREMBAN: Ketika aktiviti riadah diberhentikan kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini, Pusat Sukan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai dekat sini mengambil peluang mengusahakan projek tanaman nanas jenis MD2.

Projek berkenaan dijalankan di kawasan terblar di sekitar Kompleks Sukan Tuanku Najihah di universiti tersebut.

Pegawai Belia dan Sukan USIM, Nur Ekhmal Buhary berkata, program yang bermula awal Mac tahun lalu mendapat sambutan dalam kalangan kakitangan, malah, ia menggunakan peruntukan daripada kakitangan USIM yang terlibat.

Jelasnya, projek berkenaan dimulakan dengan penanaman awal sebanyak 1,000 pokok.

"Pihak kami memilih nanas MD2 disebabkan ia tanaman yang mudah dijaga dan tidak memerlukan kos yang tinggi. Nanas ini tahan lasak, tahan cuaca panas, tidak perlu kerap siram, malah, konsep menggunakan polibeg ini lebih mudah dialihkkan dan boleh diletakkan di mana-mana tempat.

"Perancangan kami selepas ini mahu menarik minat pela-



NUR Ekhmal Buhary (dua, kiri) bersama kakitangan Pusat Sukan USIM yang terlibat dalam projek tanaman nanas MD2 sejak awal Mac tahun lalu. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI

jar apabila mereka kembali ke kampus untuk menceburi penanaman nanas MD2 ini. Nanas ini akan dijual dalam kalangan warga universiti sebelum dipasarkan ke luar," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Tambah Nur Ekhmal, Pusat Sukan USIM juga telah dipilih sebagai peneraju Projek Prosumer Nanas MD2 peringkat universiti terbabit.

"Setakat ini, sesi asas pra-pengenalan tanaman projek tersebut telah dilaksanakan dengan

penglibatan 25 peserta yang dijalankan di Pusat Sukan USIM. "Kit permulaan tanaman iaitu 50 sulur dan 10 beg tanah organik, polibeg dan baja juga telah diagihkan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) Jabatan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan

dan Jabatan Keselamatan, Pusat Kesihatan Universiti, Pusat Perumahan Pelajar dan Pusat Kelestarian serta Kesejahteraan termasuk projek penanaman Polibeg MD2 bersama komuniti iaitu di Banting dan juga Surau Al-Falah Mantin," katanya.

09.03.2021

UTUSAN MALAYSIA

DALAM
NEGERI

29

Usahakan runcit produk musang king

Bakal dijual di lebih 1,600 cawangan Daily Fresh di 16 negara

KUALA LUMPUR

Penyedia durian musang king, DSR (Durian Sudah Runtuh) Group menjalin kerjasama dengan Daily Fresh Foods Group bagi aktiviti runcit produk-produk berasaskan buah tersebut: menerusi rangkaian premis Daily Fresh di serata negara.

Pengasas Bersama DSR Datuk Ng Lian Poh berkata, kerjasama tersebut turut melibatkan pembangunan produk-produk berasaskan durian asli musang king daripada



DSR Group dan Daily Fresh Foods Group menandatangani perjanjian kerjasama yang ditandatangani secara maya pada Isnin.

dusun syarikat seluas 18.2-hekta di Raub, Pahang, yang akan dijual di lebih 1,600 cawangan Daily Fresh di 16 buah negara termasuk di Malaysia.

Menurutnya, kerjasama itu akan menengahkan pendekatan

an 'dusun-ke-pasaran' bagi meraih manfaat penuh durian atau Raja Buah selain menjadikan produk-produk khusus itu dapat ditawarkan sepanjang tahun.

"Sebagai permulaan, DSR Daily Fresh akan membuat ta-

waran eksklusif makanan seperti bertih jagung durian, manisan gelato musang king selain produk pastrri seperti kroisan berinti gelato durian itu, pastrri lapis, wafel, tart selain minuman teh halia Bentong di kiosk Daily Fresh di Malaysia seawal April 2021.

"Kami akan memanfaatkan pengalaman luas Daily Fresh dalam membangunkan produk kegemaran pengguna dengan piawaian tertinggi menerusi pengurusan keselamatan kemudahan pengeluaran makanan yang diperakui serta memastikan produk ini mencapai kualiti dan konsistensi yang ketat,"

katanya pada majlis menandatangani secara maya pada Isnin. Sementara itu, Pengarah Urusan Daily Fresh Chay Hong Choong berkata produk berasaskan durian itu akan dimaju-

kan dalam skala besar-besaran di kilang pengeluaran syarikat di Simpang Renggam, Johor.

"Kami optimis terhadap kerjasama dengan DSR yang akan menjadi pemangkin bagi melonjakkan pertumbuhan pasaran produk hiliran durian di peringkat global.

"Kerjasama dengan DSR Daily Fresh ini juga membabitkan akses segera ke atas pusat jualan sedia ada Daily Fresh di luar negara seperti Indonesia, Singapura, Emiriah Arab Bersatu, Oman, Arab Saudi, Kuwait, Oman, Bahrain, Qatar, Turki, Korea Selatan, Hong Kong dan China," katanya.

Kerjasama terbabit menyaksikan DSR memegang 70 peratus kepentingan dalam DSR Daily Fresh Sdn Bhd manakala baki 30-peratus dipegang oleh Daily Fresh. - *Bernama*

Petani bantu tingkatkan tanaman sayur dan buah di Negeri Sembilan

SEREMBAN - Sebanyak 236 hektar tanah terbiar di negeri ini diusahakan usahawan tani dalam bidang tanaman makanan sepanjang tahun lalu.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, kebanyakan petani mengusahakan tanaman sayur dan buah-buahan bagi membantu meningkatkan pengeluaran produk makanan negeri ini.

Menurutnya, kerajaan negeri memperuntukkan RM1 juta untuk program pembangunan tanah terbiar dan sehingga kini sambutan diterima memberangsangkan.

“Kalau dulu kita yang cari petani untuk usahakan tanah terbiar, tetapi sekarang ramai yang mencari.

“Tahun ini sahaja permohonan untuk mengusahakan tanah terbiar sudah penuh walaupun sekarang baru bulan Mac, tetapi kita sudah ada lebih 200 pemohon.

“Kita mahu di setiap daerah ada usaha untuk menge-

luarkan hasil tanaman mereka sendiri, tidak hanya di Jelebu atau Kuala Pilah, tetapi kalau boleh semua daerah ada pengeluaran produk pertanian dan industri asas tani,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Penyerahan Insentif Jaminan Bekalan Makanan Pasca-Perintah Kawalan Pergerakan di Tasik Villa Port Dickson pada Isnin.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, kerajaan negeri memandang serius terhadap usaha memajukan sektor pertanian di Negeri Sembilan dan pihaknya telah memperuntukkan sebanyak RM14 juta melalui Belanjaan Negeri 2021 bagi memperkasa ekonomi rakyat.

Katanya, sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan bagi program pembangunan tanah terbiar, meliputi penyediaan infrastruktur ladang seperti penyediaan kawasan, sistem pengairan dan bahan input pertanian.



Aminuddin (tengah) bersama peserta usahawan tani Negeri Sembilan di Tasik Villa Port Dickson pada Isnin.



Abu Osman mengusahakan tanaman sayur di kawasan tanah terbiar di Malim.

(Foto Nazri Abu Bakar/BH)

Pemandu bas ekspres tanam sayur di tanah terbiar

Melaka: Hampir setahun tidak bergaji akibat pandemik COVID-19, seorang pemandu bas ekspres di sini mengusahakan penanaman sayur di kawasan tanah terbiar di Malim, di sini.

Abu Osman, 68, mengakui kehidupannya terhimpit tanpa pendapatan sejak setahun lalu selepas bas ekspres yang dipandunya bagi laluan Melaka-Kuala Lumpur, tidak beroperasi kerana kurang penumpang susulan pelaksanaan pelbagai peringkat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melarang pergerakan rentas negeri.

Dia yang menumpang tidur di kawasan tempat menyimpan bas milik majikan di Malim, dekat sini, menggunakan masa yang ada menanam sayur di tanah kosong beberapa meter dari situ,

antaranya pisang, ubi kayu, betik, cili dan sayur lain.

"Saya hanya pulang ke rumah di Pulau Gadong jika perlu. Lagi pun saya hanya menaiki basikal berulang alik dari rumah yang terletak kira-kira 15 kilometer untuk ke 'kebun', tetapi lebih baik saya bermalam di sini (tempat parkir bas) sambil mengusahakan kebun sayur berkenaan.

"Siapa tahu mungkin akan ada berita gembira saya boleh memandu semula bas ekspres dalam masa terdekat. Jika tidak, saya akan terus mengusahakan kebun ini," katanya menambah, kawasan 'projek' tepian parit yang diusahakannya itu sebelum ini dipenuhi semak samun dan lalang," katanya yang bekerja sebagai pemandu bas sejak lebih 19 tahun lalu.